

Headline **Kasut terakhir Michael Jackson**
Date **04 Nov 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **17**
Article Size **130 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,758**
PRValue **8,273**



Kasut terakhir Michael Jackson

SEMPENA konsert bergerak Michael Jackson yang dirancang sebelum kematiannya, perunding imej peribadinya, Ruschka Bergman mencari sesuatu yang unik bagi melancarkan semula kerjaya Raja Pop itu. Idea itu dinyatakan kepada pereka kasut yang terkenal dengan keunikannya, Giuseppe Zanotti.

Rekaan kasut untuk Jackson amat penting kerana setiap perincian untuk konsert itu perlu sempurna termasuk kasut yang sepatutnya digayakan pada kasut itu kelak. Bergman mempunyai alasan tersendiri, pertamanya kasut Jackson perlu menepati keperluan teknikal supaya sesuai untuk dipakai ketika menari.

Justeru, kasut berkenaan perlu bersifat lembut, selesa dan berfungsi. Namun yang paling penting, kasut berkenaan perlu menggambarkan kesungguhan dan juga imej Jackson yang membuatkan beliau terkenal di seluruh dunia.

Berbekalkan semua itu, Zanotti menghasilkan but unik yang diilhamkan daripada klip video *Dirty Diana*. Potongan but berwarna hitam yang dinamakan The rainbow Boot itu seolah-olah bercahaya ke atas dan dihiasi kristal

Swarovski yang memancarkan kilauan indah.

Meskipun Jackson tidak sempat melihat but berkenaan, ia tetap membawa makna kepada penyanyi terkenal itu apabila Zanotti mendermakannya ke Majlis Makan Malam Gala Amfar yang diadakan di La Permanente sempena Minggu Fesyen Milan, September lalu.

But itu berjaya dilelong pada harga kira-kira RM50,000 dan ia disumbangkan bagi penyelidikan HIV yang pernah dibantu Jackson ketika hayatnya. Majlis itu dihadiri ramai selebriti dan masyarakat fesyen termasuk adik Raja Pop itu, Janet Jackson.

